

KRITIKAN SANAD HADIS: PEMBETULAN FAKTA DARI HUJAH ANTI HADIS

Suriani Sudi

suriani@kuis.edu.my

Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Rosni Wazir

Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Abur Hamdi Usman

Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Mohd Norzi Nasir

Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Sakinah Salleh

Al-Ikhsan Training and Motivation, Malaysia
Zanariah Ismail

Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)
Azman Abdul Rahman

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

ABSTRAK

Golongan anti hadis yang dipelopori oleh Kasim Ahmad telah membuat pelbagai dakwaan dan syubhat untuk mengelirukan masyarakat dari menerima hadis. Mereka secara khususnya cuba mempertikaikan Ilmu Jarh wa Ta'dil yang menjadi antara tunjang penerimaan sesebuah hadis dan mereka mengatakan kritikan isnad hanyalah bermula selepas satu setengah abad selepas kewafatan baginda s.a.w. Lantaran itu, mereka turut mempertikaikan kedudukan hadis-hadis Bukhari dan Muslim serta metode pengumpulan Bukhari dan Muslim. Maka artikel ini bertujuan untuk membetulkan fakta-fakta yang diseleweng ini dan kajian yang dilakukan adalah secara kajian historis dan analisa kandungan. Kajian mendapati Ilmu Jarh wa Ta'dil hakikatnya telah bermula sejak zaman baginda sahabat r.a lagi dan Bukhari dan Muslim itu sendiri mempunyai metode penulisannya yang begitu teliti dalam penerimaan sesebuah hadis. Maka kajian ini diharap dapat memperbetulkan fakta-fakta yang dibawa oleh golongan anti hadis.

Katakunci: *Ilmu Jarh wa Ta'dil, Bukhari, Muslim, isnad*

Pendahuluan

Anti hadis adalah mana-mana individu atau kumpulan yang menolak kedudukan hadis sebagai sumber ilmu atau perundangan Islam dan menolak kesahihan sesbuah hadis atau lebih hadis sahih di dalam Islam. Anti hadis turut dikenali sebagai golongan ingkar sunnah (al Siba'i 1982; al-A'zami 1980).

Kewujudan golongan anti hadis bukanlah sesuatu yang baru dalam dunia Islam. Golongan ini pertama kali muncul pada abad kedua hijrah dan ia ditangani dengan cukup hebat oleh Imam Syafei (Karim 2005). Di Malaysia, gerakan ini dipelopori oleh Kasim Ahmad. Golongan anti hadis di Malaysia telah mula dikesan sekitar tahun 1984. Pelopor kepada gerakan ini ialah Kassim Ahmad yang telah terpengaruh dengan ajaran Dr. Rashad Khalifa. (Ghazali M.A. et .al 2011). Kasim Ahmad telah memulakan kritikannya terhadap hadis Nabi SAW. di dalam bukunya Hadis: Satu Penilaian Semula pada tahun 1986. Dalam bukunya itu beliau mengatakan punca perpecahan umat Islam ialah kerana berpegang dengan hadis Nabi SAW (Kassim. 1986)

Di dalam blognya itu, beliau telah cuba membawa beberapa fakta yang mengelirukan berkaitan kritikan sanad. Pertama; beliau mempersoalkan bahawa kebanyakan hadis muncul dalam zaman tabi'in dan zaman tabi' tabi'in iaitu empat puluh atau lima puluh tahun ke atas selepas Nabi wafat. Beliau menyatakan bahawa kritikan isnad hanya dimulakan setelah satu setengah abad selepas itu iaitu apabila generasi-generasi perawi pertama, kedua dan ketiga sudah mati dan tidak dapat ditemui dan diperiksa lagi.Oleh yang demikian, beliau menjelaskan bahawa perawi-perawi pertama, kedua dan ketiga tidak dapat dijamin akan kebenarannya malah boleh diandaikan mereka ini telah diada-adakan kemudian oleh golongan hadis.

Kedua; beliau seterusnya menyatakan bahawa *ahlul-Hadis* akhir abad ketiga dan awal abad keempat telah membina satu benteng untuk para perawi hadis yang pertama iaitu para sahabat dengan mendakwa mereka terpelihara dari kesalahan bila mereka meriwayatkan hadis daripada Nabi.

Ketiga; beliau seterusnya mempersoalkan bukti-bukti yang kukuh bahawa hadis-hadis benar-benar berasal daripada para sahabat di dalam blognya (Khamis 3 Julai 2008). Ini kerana menurutnya ilmu kritikan hadis timbul setelah ketidaaan perawi dari kalangan sahabat, tabi'in dan tabi' tabi'in. Maka menurutnya hadis yang dikatakan dari sahabat-sahabat tertentu, hanyalah pendapat atau agakan sahaja. Malah apa yang lebih dahsyat lagi apabila beliau menyatakan bahawa pemilihan dan penapisan enam pengumpul hadis, khasnya Bukhari dan Muslim, merupakan tidak lebih daripada pendapat-pendapat mereka tentang apa yang dikatakan hadis 'sahih'. Ia merupakan tekaan dan agakan terhadap apa yang telah diucapkan dan dilakukan oleh Nabi.

Tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh Kasim Ahmad ini jelas niatnya untuk menampakkan adalah untuk menunjukkan kelemahan ilmu Kritikan Isnad atau dengan nama lain ilmu *Jarah Wa ta'dil*.

Metodologi Kajian

Pengkaji telah menjalankan kajian kualitatif secara analisa kandungan dengan mengkaji tulisan-tulisan Kasim Ahmad hadis-hadis berkaitan kebenaran dan larangan menulis hadis dan juga kajian secara metode historis berkaitan sejarah penulisan dan perkembangan hadis.

Perbincangan Hasil Kajian.

Perbincangan hasil kajian ini penulis akan menjawab setiap tuduhan yang dinyatakan oleh Kasim Ahmad berkaitan kritik sanad.

1. Kritikan isnad hanya dimulakan setelah satu setengah abad selepas kematian generasi-generasi periyat pertama, kedua dan ketiga.

Ketika Rasulullah saw masih hidup, kebanyakan para shahabat tidak terlalu mementingkan persoalan sanad. Ini kerana mereka masih saling mempercayai, menjaga dan mempunyai komitmen dengan keislaman mereka. Sudah menjadi kebiasaan di kalangan sahabat untuk saling bertanya dan menyampaikan hadis. Bahkan mereka membuat jadual penggiliran untuk menghadiri majlis Rasulullah s.a.w, seperti yang dilakukan Umar dan tetangganya. Namun selepas peristiwa pembunuhan Khalifah Uthman ibn 'Affan (w. 35 H), para sahabat semakin berhati-hati dan mulai menyelidik sumber berita. Hal ini seperti ditegaskan oleh Ibn Sirin, sebagaimana yang dinyatakan 'Ajjaj al-Khatib (2001).

Ibn Sirin berkata:

لَمْ يَكُنُوا يَسْأَلُونَ عَنِ الْإِسْنَادِ فَلَمَّا وَقَعَتِ الْفِتْنَةُ قَالُوا سَمُّوا لَنَا رِجَالَكُمْ فَيُنْظَرُ إِلَى أَهْلِ السُّنْنَةِ فَيُؤْخَذُ حَدِيثُهُمْ وَيُنْظَرُ إِلَى أَهْلِ الْبِدَعِ فَلَا يُؤْخَذُ حَدِيثُهُمْ

Maksudnya: "Mereka (para sahabat) belum pernah bertanyakan tentang "isnad", tetapi apabila berlakunya fitnah di kalangan umat Islam, mereka berkata: "Hendaklah kalian nyatakan kepada kami para perawi kalian. (Lihatlah) seandainya periyat-periyat terdiri dari golongan Ahli al-Sunnah maka hadith mereka diterima dan (lihatlah) seandainya perawi-perawi terdiri dari golongan ahli Bidaah, maka hadith mereka ditolak" (Muslim. Sahih Muslim, Muqaddimah, Bab Bayan anna al-Isnad min al-Din.)

Ibn Sirin menjelaskan bahawa fitnah yang berlaku dalam kalangan umat Islam adalah merupakan titik permulaan penyaringan terhadap sanad. Fitnah kubra yang bermula dengan pembunuhan Saidina Othman telah menyebabkan lahir banyaknya kumpulan-kumpulan dalam kalangan umat Islam. Mereka saling mereka-reka hadis untuk memantapkan kedudukan mereka dalam kalangan umat Islam. Maka selepas berlakunya fitnah *kubra*.

Maka para sahabat pun bersikap ketat dalam mengisnadkan hadis dari para perawi. semakin berhati-hati dan mulai menyelidik sumber berita. Mereka mengharuskan adanya sanad dalam setiap periyatan dan melaksanakannya secara sempurna. Tindakan shahabat yang berhati-hati dalam periyatan hadis, diikuti oleh generasi sesudahnya – *tabi'in* dan *tabi' tabi'in*. Mereka senantiasa menuntut dan mengharuskan adanya sanad hadis. Pada masa mereka lah penelitian terhadap sanad hadis mulai dilakukan.

'Ajjaj al-Khatib (2001) menyatakan bahwa hadis yang pertama kali diteliti isnad-nya adalah sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abd al-Barr, dari al-Sya'biy, dari al-Rabi' al-Khutsaym, ia berkata:

مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْحَمْدُ يَحْيَى وَيَمْتَتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ عَشْرَ مَرَاتٍ كَنْ لَهُ كَعْتَقَ رَقَابَ أَوْ رَقَبةَ

Al-Sya'bi berkata: 'Kemudian saya bertanya kepada al-Rabi', "Siapa yang meriwayatkan hadis ini kepadamu? Ia menjawab: "Amr ibn Maymun


al'Awdiy". Maka aku menemui 'Amr ibn Maymun dan bertanya seperti itu juga. Ia menjawab: "Abdurrahman ibn Abi Layla". Maka, saya pun bertemu Ibn Abi Layla dan bertanyakan soalan yang sama. Abdurrahman ibn Abi Layla menjawab ia menerima hadis ini dari Abu Ayyub al-Anshari, sahabat Rasulullah s.a.w. Yahya ibn Sa'id al-Qaththan (w. 198 H) menjelaskan bahawa usaha yang dilakukan oleh al-Sya'bi ini, menunjukkan bahwa ini adalah hadis yang pertama diteliti sanadnya. ('Ajjaj al-Khatib 2001).

Maka fakta ini sekaligus membantalkan kenyataan Kasim Ahmad yang menyatakan bahawa tidak berlaku kritikan sanad pada zaman sahabat, *tabiin* dan *tabi'iin*. Hakikatnya, kritikan sanad telah mula berlaku selepas berlakunya fitnah kubra iaitu selepas peristiwa pembunuhan Saidina Othman dimana para sahabat mula bertanyakan perawi yang meriwayatkan hadis.

2. Beliau seterusnya menyatakan bahawa *ahlul-Hadis* akhir abad ketiga dan awal abad keempat telah membina satu benteng untuk para perawi hadis yang pertama iaitu para sahabat dengan mendakwa mereka terpelihara dari kesalahan bila mereka meriwayatkan hadis daripada Nabi.


Sesungguhnya Allah telah mengiktiraf para sahabat sebagai '*adil*' dan memuji-muji mereka bukan sekadar pada satu ayat di dalam al-Quran yang mereka sendiri percaya akan kebenaran al-Quran.

Di dalam al-Quran menyebut;



Nabi Muhammad (s.a.w) ialah Rasul Allah; dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam), dan sebaiknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan kasihan sesama sendiri (umat Islam). Engkau melihat mereka tetap beribadat rukuk dan sujud, dengan mengharapkan limpah kurnia (pahala) dari Tuhan mereka serta mengharapkan keredaanNya. tanda yang menunjukkan mereka (sebagai orang-orang yang soleh) terdapat muka mereka - dari kesan sujud (dan ibadat mereka yang ikhlas). (al-Fath:29)


Juga di dalam ayat berikut;



Dan orang-orang yang terdahulu - yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang "Muhajirin" dan "Ansar", dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah

reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia, serta ia menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar. (al-Taubah: 100)

Juga di dalam ayat berikut;



(Mereka tetap tinggal) tetapi Rasulullah dan orang-orang yang beriman bersamanya, berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka; dan mereka itulah orang-orang yang mendapat kebaikan, dan mereka itulah juga yang berjaya (al-Taubah:88)

3. Beliau seterusnya mempersoalkan bukti-bukti yang kukuh bahawa hadis-hadis benar-benar berasal daripada para sahabat. Ini kerana menurutnya ilmu kritikan hadis timbul setelah ketiadaan perawi dari kalangan sahabat, *tabi'in* dan *tabi' tabi'in*. Maka menurutnya hadis yang dikatakan dari sahabat-sahabat tertentu, hanyalah pendapat atau agakan sahaja. Seperti mana pemilihan dan penapisan enam pengumpul Hadis, khasnya Bukhari dan Muslim, merupakan tidak lebih daripada **pendapat-pendapat mereka** tentang apa yang dikatakan hadis 'sahih'. (Kassim: Thursday, July 03, 2008)

Imam Bukhari mengambil hadis dari golongan pertama iaitu *tabi' tabi'in* atau peringkat ketiga seperti yang dinamakan oleh Kassim Ahmad. Golongan ini terhimpun padanya sifat kuat hafalan dan keteguhan serta lama bergaul dengan *tabi'in* sehingga ada antara mereka yang sentiasa bersama dengan *tabi'in* sama ada ketika musafir ataupun tidak. Golongan inilah dianggap riwayat paling sahih dan mereka yang dimaksudkan oleh Bukhari dalam memilih hadis-hadis untuk Sahihnya. Imam Bukhari juga mengambil hadis golongan kedua iaitu mereka yang hidup sezaman dengan *tabi'in* akan tetapi tidak berpeluang mengambil hadis dari mereka. (Ibn Hajar t.t). Malah Imam Bukhari dan Muslim sendiri telah mengambil hadis dari mereka yang *thiqah* hinggalah kepada para sahabat yang masyhur tanpa perselisihan di kalangan mereka yang sememangnya amat *dithiqahi*, dengan sanad yang tidak terputus (al-Muqaddisi 1984). Malah menurut al-Hazimi (1984) Imam Bukhari dan Muslim ini mengeluarkan hadis-hadis yang sahih dari kalangan perawi muslim yang berakal, benar, tiada keaiban yang tersembunyi dan tidak terganggu fikirannya, mempunyai sifat-sifat yang adil, teguh ingatan serta tepat, tiada angan-angan serta betul ikтиkadnya. Mereka ini pula pasti mengambil hadis dari guru-gurunya yang 'adil' dan anak-anak muridnya juga dari kalangan mereka yang 'adil dan *thiqah*.

Malah Imam Bukhari juga memastikan bahawa hadisnya bersambung sanad iaitu dengan memenuhi syarat *al-liqa* (perawi bertemu dengan perawi sebelumnya) dan juga syarat *al-mu'asarah* (perawi hidup sezaman dengan perawi sebelumnya). Bermaksud Imam Bukhari meletakkan syarat hadisnya dari mereka yang benar-benar *thiqah* dan mereka ini sentiasa bersama keadaan dengan orang yang diambil hadis darinya iaitu gurunya sama ada

ketika bermusafir dan bermukim. Namun beliau adakalanya juga mengeluarkan hadis dari mereka yang hanya sekejap bersama dengan gurunya. Seperti mana juga Imam Muslim yang meletakkan syarat hadisnya mestilah memenuhi syarat *al-mu'asarah* (perawi hidup sezaman dengan perawi sebelumnya). Adapun Imam Muslim hanya meletakkan syarat *al-mu'asarah* sahaja kerana menurutnya seorang yang thiqah tidak akan mengambil hadis kecuali dari perawi yang benar-benar ditemui dan diambil hadis darinya. Walaupun Imam Muslim hanya meletakkan syarat *al-mu'asarah* sahaja, namun syarat Imam Muslim ini tidak menjaskan darjat kesahihan hadis-hadisnya. Imam Bukhari meletakkan syarat *al-liqa'* adalah sebagai tanda ketegasannya terhadap syarat-syarat hadis saihinya di mana beliau tidak akan menerima sesbuah hadis itu sehingga terdapat bukti yang jelas bahawa perawinya telah mengambil hadis dari perawi yang sebelumnya (Ajaj 1989). Malah menurut Imam al-Nawawi (1392H), Imam Muslim telah meletakkan syarat di dalam saihnya bahawa hadis yang diriwayatkan adalah riwayat mereka dari mereka yang thiqah dari awal sanad hingga ke akhirnya yang selamat dari *syaz* dan '*ilah*. Maka menurutnya lagi, mana-mana hadis yang memenuhi syarat ini, tidak ada khilaf dalam kalangan ahli hadis dengan mengatakan ianya adalah hadis saih. Maka untuk memastikan syarat-syarat itu dipenuhi, kedua-dua imam ini mempunyai jihad yang tersangat kuat dalam mencari hadis di mana mereka mengembara ke setiap ceruk bumi untuk melengkapkan pencarian hadis.

Maka dengan ini jelas bahawa Imam Bukhari dan Muslim tidaklah mengambil hadis dari pendapat mereka sendiri malah ia adalah hadis yang benar-benar dari Rasulullah s.a.w. Fakta-fakta di atas telah diperakui oleh para ulama sepanjang zaman dan tiada siapa yang membantahnya melainkan Kassim Ahmad yang dengan tiba-tiba cuba untuk mempertikaikan perkara tersebut. Dua fakta berkaitan guru-guru Imam Bukhari dan Muslim yang terdiri dari mereka yang benar-benar thiqah dan syarat bersambung sanad yang ketat adalah merupakan hujah untuk membalas semula tuduhan tersebut.

Rumusan

Kesimpulannya, hujah-hujah yang dibawakan oleh Kasim Ahmad adalah tertolak dengan hujah balas yang dibawakan. Pertama; hujah bahawa kritikan sanad hakikatnya telah mula berlaku selepas berlakunya fitnah kubra iaitu selepas peristiwa pembunuhan Saidina Othman dimana para sahabat mula bertanyakan perawi yang meriwayatkan hadis adalah menjawab terhadap tuduhannya yang mengatakan bahawa kritikan isnad hanya dimulakan setelah satu setengah abad selepas kematian generasi-generasi periwayat pertama, kedua dan ketiga. Kedua; Sesungguhnya Allah telah mengiktiraf para sahabat sebagai 'adil' dan memuji-muji mereka bukan sekadar pada satu ayat di dalam al-Quran yang mereka sendiri percaya akan kebenaran al-Quran menjawab tuduhannya yang menyatakan bahawa *ahlul-Hadis* akhir abad ketiga dan awal abad keempat telah membina satu benteng untuk para perawi hadis yang pertama iaitu para sahabat dengan mendakwa mereka terpelihara dari kesalahan bila mereka meriwayatkan hadis daripada Nabi. Ketiga; Imam Bukhari dan Muslim tidaklah mengambil hadis dari pendapat mereka sendiri malah ia adalah hadis yang benar-benar dari Rasulullah s.a.w. dengan memastikan bahawa hadisnya bersambung sanad iaitu dengan memenuhi syarat *al-liqa'* (perawi bertemu dengan perawi sebelumnya) dan juga syarat *al-mu'asarah* (perawi hidup sezaman dengan

perawi sebelumnya). Jawapan ini menjawab kenyataannya yang mempersoalkan bukti-bukti yang kukuh bahawa adakah benar hadis-hadis nabi s.a.w benar-benar berasal daripada para sahabat. Maka dengan hujah-hujah yajng dikemukakan ini jelas menunjukkan bahawa Kasim Ahmad telah menuduh secara semborono dan tidak menjalankan kajian dengan teliti terhadap kenyataan yang dibawakan.

Penghargaan

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada penyelidikan yang bertajuk “Modul Berasaskan Hujah Menangani Golongan Anti-Hadis di Malaysia : Aplikasi Kaedah Saintifik, Rasional dan Logik” dengan Kod : FRGS/1/2015/SS103/KUIS/03/1. Penghargaan setinggi-tingginya kepada Kementerian Pengajian Tinggi yang telah menaja penyelidikan ini.

Rujukan

- Al-A'zami, Muhammad Mustafa. 1980. *Dirasat fi al-Hadis al-Nabawi wa Tarikh Tadwinuhu*. Beirut: al-Maktabah al-Islami
- Abdul Karim. 2005. *Metode Imam Al-Syafi'i Dan Ulama Di Malaysia Dalam Menangani Golongan Yang Mempertikaikan Hadis: Satu Perbandingan*. Al-Bayan Journal of al-Quran and al-Hadis. Vol. 3. ISSN: 1394-3723
- Al-Hazimi Muhammad bin Musa. 1984. *Syurut al-A'imma al-Khamsah*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- Ibn Hajar al-'Asqalani Ahmad bin 'Ali. T.t. *Hadi al-Sari Muqaddimah Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Khatib Muhammad 'Ajaj. 1989. *Usul al-Hadith Ulumuh wa Mustalahuh*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad 'Ajaj al-Khatib. 2001. *al-Sunnah Qabla al-Tadwin*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muslim, Abu al-Husin Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairiy al-Naysaburi. 1955. *Sahih Muslim*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Al-Muqaddisi Muhammad bin Tahir. 1984. *Syurut al-A'imma al-Sittah*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah
- Al-Nawawi Abu Zakaria Yahya bin Syaraf. 1392H, *al-Minhaj Syarah Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.